

UMP rangkul 13 pingat di Ekspo Teknologi Malaysia

KUANTAN 19 Mac - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencipta sejarah tersendiri apabila merangkul 13 pingat dan dua anugerah dalam pelbagai kategori pada pameran serta pertandingan Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) di Kuala Lumpur bulan lalu.

Ekspo yang bertemakan teknologi dan kejuruteraan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu menyaksikan lebih 400 projek penyelidikan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Mimi Rabita Abdul Wahit berkata, daripada 15 produk penyelidikan yang dipertandingkan, universiti itu berjaya meraih masing-masing empat pingat emas dan perak, lima gangsa serta dua anugerah.

"Penyelidik dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Prof. Dr. Jose Rajan berjaya memenangi pingat emas dalam penyelidikan yang berkaitan dengan superkapasitor berkuasa tinggi menggunakan kulit kelapa sawit dalam penghasilan kuasa serta tenaga.

"Selain itu, beliau juga menerima anugerah khas menerusi penyelidikan yang sama pada pertandingan

tersebut," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Mimi Rabita berkata, turut memenangi pingat emas ialah Dekan Fakulti Sistem Komputer Kejuruteraan Perisian (FSKCP), Prof. Dr. Jasni Mohamad Zain dan penyelidik dari fakulti tersebut, Prof. Madya Dr. Noraziah Ahmad.

Katanya, seorang penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) Dr. Arun Gupta turut memenangi pingat emas menerusi penyelidikan bertajuk pembuatan dan menguatkan kayu menggunakan soya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, universiti tersebut turut meraih empat pingat perak yang dimenangi oleh Jose; dua penyelidik Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA), Nadiah Mokhtar dan Dr. Ir. Said Nurdin dan penyelidik dari Fakulti Teknologi (FT), Dr. Hadi Manap menerusi penyelidikan masing-masing.

"Lebih membanggakan apabila gerai pameran UMP berjaya memikat juri dengan merangkul tempat pertama bagi Kategori Booth Pameran Terbaik dan turut menerima Anugerah Gerai Mesra Pengunjung dalam MTE tahun ini," katanya.



SEBAHAGIAN daripada penyerasah dan penyelidik UMP bersama sijil yang dimenangi pada Ekspo Teknologi Malaysia yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.